

<b>Headline</b>	<b>Roslinda, Mohamad Sukri Menang Anugerah Masum 2007</b>		
<b>Date</b>	<b>13. Apr 2008</b>	<b>Language</b>	<b>MALAY</b>
<b>Media Title</b>	<b>Mingguan Malaysia</b>	<b>Page No</b>	<b>24</b>
<b>Section</b>	<b>Sukan</b>	<b>Article Size</b>	<b>201 cm<sup>2</sup></b>
<b>Circulation</b>	<b>483240</b>	<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>
<b>Readership</b>	<b>1810000</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>



## Roslinda, Mohamad Sukri menang anugerah Masum 2007

JOHOR BAHRU - Atlet lompat bergalah kebangsaan, Roslinda Samsu dipilih sebagai Olahragawati Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia (Masum) 2007 di sini, semalam.

Roslinda, pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor yang memenangi emas pada Sukan SEA di Korat, Thailand tahun lalu, menewaskan empat calon lain.

Olahragawan Masum 2007 pula dimenangi pemain hoki kebang-

saan, Mohamad Sukri Abd. Mutalib dari UPM.

Kemenangan itu membolehkan Roslinda dan Mohamad Sukri masing-masing membawa pulang wang tunai RM3,000 dan trofi.

Atlet Harapan Lelaki milik pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM), Muhammad Farkhan Mohd. Harun dari sukan tinju manakala atlet menembak Nor'ain Ibrahim dari UPM dipilih Atlet Harapan Wanita.

Mereka membawa pulang

RM1,000 seorang.

Anugerah disampaikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Khaled Nordin pada majlis yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada di sini, semalam.

**ROSLINDA Samsu dipilih sebagai Olahragawati Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia (Masum) 2007 di Johor Bahru, semalam.**

